

SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

**MAJLIS KONVOKESYEN KE 19  
PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN 2013  
10 MAC 2014**

**UCAPAN YBHG. TAN SRI ABDUL GANI PATAIL  
PENGERUSI  
LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION  
UNDANG-UNDANG, MALAYSIA**

Bismillahi Rahmani Rahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia,  
Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan,  
Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

**Ampun Tuanku,**

Patik dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan amat berbesar hati kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan sekali lagi untuk berangkat hadir ke Majlis Konvokesyen kali ke 19, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Tahun 2013 yang telah dikendalikan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia.

Patik dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan dengan penuh hormat dan takzimNya, merafak sembah serta menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk berangkat ke Majlis ini dan menyampaikan Titah Ucapan. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku senantiasa berada dalam keadaan sihat dan dilimpahi rahmat oleh Allah Subhanahu Wa Taala.

SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

**Ampun Tuanku,**

Patik pohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk mengizinkan patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

**Ampun Tuanku,**

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya,

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan,

Yang Arif Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi,

Yang Arif dan Yang Berusaha Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri, Puan Sri, Dato' dan Datin,

Para Lulusan dan Ibu Bapa, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya kita dapat berkumpul di Dewan ini bagi Upacara Penyampaian Sijil dan Hadiah untuk Konvokesyen ke 19 Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2013.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Bagi pihak Lembaga Kelayakan, saya mengalu-alukan kehadiran Para Lulusan berserta keluarga dan para jemputan, pada Majlis untuk mengiktiraf kejayaan dan pencapaian kumpulan Lulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2013. Saya dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua **327** Para Lulusan yang akan dianugerahkan Sijil Amalan Guaman pada Majlis hari ini.

Syabas juga diucapkan kepada saudara saudari yang bakal menjadi penerima hadiah khas atas pencapaian yang cemerlang dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Ini termasuklah hadiah berprestij iaitu "Hadiah Sultan Azlan Shah", yang berupa Pingat Emas dan Sijil Khas, bagi calon yang mendapat pencapaian Kelas Satu dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

Kejayaan ini sudah semestinya saat manis buat semua dan adalah hasil pengorbanan sendiri, ketabahan dan dedikasi Para Lulusan, ibu bapa dan keluarga masing-masing.

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia turut berbangga atas pencapaian Para Lulusan tahun 2013 dan hakikat bahawa Para Lulusan bakal berganding bahu dengan **10,034** Lulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman sejak Peperiksaan ini mula diadakan pada tahun 1984.

## SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

Seterusnya, adalah menjadi penghormatan dan keistimewaan bagi saya untuk menyampaikan sedikit amanat kepada Para Lulusan.

Pada hemat saya, Para Lulusan wajar diibaratkan sebagai mutiara. Dengan izin, pengumpamaan Steve Nowicki, Dekan dan *Vice Provost* di Duke University, diparafrasakan seperti yang berikut:

*“Not all kinds of oysters can produce pearls and of those oysters that can form pearls, not all do. Further, layers of nacre are required to give the pearl its lustrous iridescence, beauty and value. So too with you. Simply obtaining your qualification is not the point. You must continue to challenge yourselves to unlock your potential, and like the oyster, form your pearl.*

*You need to work with the material you have learned –you need to add your own substance to transform information into knowledge, and knowledge into wisdom. It is only in this way that you will best be able to create and contribute your own substance to the study and practice of the law.”*

Hadirin hadirat sekalian,

Para Lulusan kini di ambang alam mengamal undang-undang, baik di mahkamah, bilik persidangan korporat atau selainnya. Sudah tentu ramai – sama ada pelajar mahupun ibu bapa - yang didorong oleh imej peguam yang gagah beraksi di hadapan mahkamah. Pasti ada

## SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

juga yang mempunyai impian untuk bergelar “Timbalan Pendakwa Raya”! Namun itu bukan tujuan sebenar pengetahuan undang-undang. Sebaliknya, seperti yang dinyatakan oleh YBhg. Tun Dato’ Haji Mohamed Salleh bin Abas, ketika beliau bertugas sebagai Peguam Cara Negara, *“undang-undang sebagai profesion adalah alat ... bagi membentuk suatu masyarakat”*.

Namun, sebelum undang-undang dapat membentuk masyarakat, keluhuran undang-undang mesti dihormati dan kandungannya difahami. Mengikut Profesor Shad Faruqi (STAR, 6 Mac 2014), *“... legal literacy ... can help greatly to produce a citizenry conscious of its rights and cognizant of its responsibilities”*. Maka antara tanggungjawab terpenting peguam adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang awam tentang undang-undang, khususnya hak dan kewajipan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap peguam untuk benar-benar memahami undang-undang yang dipakai, termasuk sejarah pembuatannya dan tujuan undang-undang tersebut. Sebagaimana yang diingatkan oleh YBhg. Tun Mohamed Salleh bin Abas jua,

*“You (must) see, how relevant is the historical study of a legal concept ... For Law does not consist of a mere statement of platitudinous principle. It is always clothed in the garments of ancient and modern history and its life has always been the souls of men.”*

## SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

Selanjutnya, Para Lulusan juga harus ingat bahawa profesionalisme, keprihatinan dan sopan santun adalah “jubah” utama yang wajar dipaparkan oleh peguam yang arif. Peguam lazimnya dianggap peneraju masyarakat. Oleh itu, tingkah laku golongan bergelar “peguam” akan dijadikan teladan di kalangan orang ramai.

Dalam menegakkan keadilan dan kedaulatan undang-undang, peguam hendaklah tidak gentar atau memihak kepada sesiapa (*act without fear or favour*); dan prinsip dan kedaulatan undang-undang hendaklah sentiasa didahulukan.

Namun, sebagai pegawai mahkamah (*officers of the court*), hormat kepada mahkamah, serta *decorum* dan etiket mahkamah hendaklah sentiasa diutamakan. Dengan itu, pertamanya, keprihatinan diperlukan kerana bahasa undang-undang adalah bahasa yang berasingan dan perlu dipelajari dengan sewajarnya. Kedua, peguam harus faham erti undang-undang (*full legal meaning*) perkataan yang digunakan. Ketiga, pelakuan dan hujahan dalam mahkamah semestinya dikendalikan dengan berhemat dan bersopan santun dengan rakan peguam, tidak kira daripada mana-mana pihak. Keempat, keputusan mahkamah yang telah dibuat mengikut lunas undang-undang hendaklah difahami sepenuhnya, dihormati dan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Berhubung ciri-ciri peguam yang patut diamalkan pula, teladan yang terbaik dan terunggul sepatutnya dijadikan contoh. Tun Hussein Onn, mantan Perdana Menteri Malaysia, dikatakan telah mengambil

## SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

lapan tahun untuk lulus peperiksaan undang-undangnya di United Kingdom, “... *not because he did not know his law. In fact, ... he knew his law thoroughly. The problem was that he was painstakingly meticulous and detailed, he felt he had to answer every question fully, every angle must be covered, every argument presented ...*”.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Ramai peguam terkemuka dan beraspirasi tinggi telah meneroka dan menerajui bidang undang-undang di Malaysia. Tun Mohamed Suffian Hashim, Peguam Cara Negara warga Malaysia yang pertama pada tahun 1959 dan bekas Ketua Hakim Negara yang disanjung tinggi, pernah berkata:

*“I hope that I shall be remembered as a man who was fair and just both within and without the court room and as a man who has given back to the community something in return for the great deal he has received from them.”*

Sehubungan itu, dan selaku Pengerusi Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, atau singkatannya, “YBGK”, saya amat berharap yang kumpulan Lulusan tahun ini turut mendokong aspirasi mulia sedemikian dan akan menyumbang tenaga kepada panel peguam YBGK dalam masa terdekat. Penglibatan dalam pelbagai jenis kes yang dikendalikan oleh panel peguam YBGK bukan hanya akan memberi peluang kepada peguam baru untuk menimba ilmu dan pengalaman praktikal tetapi juga akan menjamin pendapatan yang secukupnya bagi peguam yang baru melayari bidang amalan undang-undang.

## SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

Peningkatan penglibatan para peguam juga amat perlu sekiranya YBGK ingin mencapai hasratnya untuk meluaskan ruang lingkup perkhidmatannya. YBGK sememangnya bercadang untuk memberi khidmat untuk memperoleh perintah perlindungan dalam kes keganasan rumah tangga serta perkhidmatan representasi bagi banduan yang menghadapi hukuman mati. Dalam hal ini, YBGK mengambil iltizam daripada pandangan Tun Mohamed Suffian Hashim bahawa “... *It is not enough if justice seems to be done if in fact justice has not been done.*”

YBGK telah mula beroperasi pada bulan April 2012 dan sehingga kini, **1075** peguam telah menyertai panel peguam YBGK di seluruh Malaysia. Namun usaha segelintir itu telah membolehkan perkhidmatan YBGK diberi dalam **152,612** kes antara April 2012 hingga Januari 2014. Angka ini merupakan kerja yang dilakukan dalam **6456** kes tangkapan, **120,342** pendengaran reman, **22,204** pendengaran mitigasi dan ikat jamin serta **3610** perbicaraan di seluruh Malaysia.

Untuk menggalakkan penyertaan peguam dalam panel peguam YBGK seterusnya, adalah dicadangkan untuk menaikkan kadar bayaran panel peguam **antara 67 hingga 100%** bergantung pada jenis perkhidmatan. Walau bagaimanapun, adalah amat membanggakan apabila ada panel peguam YBGK yang sanggup memberi perkhidmatan mereka tanpa membuat sebarang tuntutan bagi bayaran yang diperuntukkan itu.



## SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

Sebagaimana yang diumumkan terdahulu, Lembaga Kelayakan dengan kerjasama Majlis Peguam sedang berusaha untuk melaksanakan pendekatan baharu bagi kemasukan peguambela dan peguamcara melalui *Common Bar Course*. Ini selaras dengan tujuan penubuhan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia untuk memastikan standard pendidikan undang-undang di Malaysia sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan.

Apabila dilaksanakan kelak, *Common Bar Course* itu akan mewujudkan standard kemasukan peguambela dan peguamcara yang seragam bagi profesion undang-undang di Malaysia (*a single entry point into the legal profession*). Ia juga bertujuan membolehkan latihan profesional undang-undang Malaysia ditanda aras pada piawai antarabangsa dan selanjutnya diiktiraf bagi maksud peguam Malaysia diterima masuk untuk menjalankan amalan di negara lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum saya mengundur diri, bagi pihak ahli Lembaga Kelayakan, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada beberapa pihak yang telah menyumbang kepada keberkesanan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang.

Terdahulu, Jawatankuasa Penilaian program ijazah undang-undang. Penilaian pelaksanaan program ijazah undang-undang yang dijalankan oleh universiti yang memohon pengiktirafan Lembaga Kelayakan adalah penting untuk memastikan standard pendidikan

## SILA SEMAK BERDASARKAN PENYAMPAIAN

undang-undang mematuhi kriteria dan piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan pihak Lembaga Kelayakan kepada Puan Aliza Sulaiman, mantan Pengarah Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, atas khidmat cemerlang beliau sebagai Pengarah Peperiksaan Sijil Amalan Guaman mulai 15 April 2011. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan YBhg. Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha sebagai Pengarah yang baru mulai 1 Januari 2014.

Selanjutnya, tahniah diucapkan kepada Encik Christopher Leong Sau Foo, Pengerusi Majlis Peguam, atas pelantikannya sebagai Ahli Lembaga Kelayakan mulai 16 Mac 2013. Saya percaya beliau akan memberikan sumbangan yang terbaik dalam melaksanakan fungsi Lembaga Kelayakan.

Akhir sekali, Lembaga Kelayakan turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Tun Abdul Hamid Omar, Badan Kehakiman, Majlis Peguam Malaysia dan Dekan-Dekan Fakulti Undang-Undang serta Pemberi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta yang telah sudi memberikan sumbangan bagi menjayakan Majlis Konvokesyen ini.

### **Ampun Tuanku,**

Sekali lagi patik bagi pihak Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan dan semua yang hadir menjunjung kasih dan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah berkenan berangkat ke Majlis ini. Ampun Tuanku.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.